



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	25/12/2019	MUKA SURAT : 6
JABATAN	:	SPAN / IWK / AIR SELANGOR	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

SPAN buat laporan polis pencemaran Sungai Semenyih

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sudah membuat laporan polis, berhubung insiden pencemaran di Sungai Semenyih sehingga menyebabkan gangguan bekalan air terawat yang menjejaskan kira-kira 1.5 juta penduduk di empat wilayah di Selangor sejak Sabtu lalu.

Jurucakap SPAN berkata, laporan polis dibuat pengurusan SPAN pada Ahad lalu di Balai Polis Bangi, untuk memastikan pihak bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan.

“SPAN mahu siasatan lanjut dijalankan polis, bagi mengesan pelaku yang membuang sisa kimia di lurang kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.

“Laporan polis dibuat bagi mem-

bolehkan siasatan lanjut dijalankan berhubung insiden berkenaan,” katanya, ketika dihubungi semalam.

Sabtu lalu, Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mengesan pencemaran bau pada sumber air mentah Sungai Semenyih.

Susulan itu, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas serta-merta, bagi mengelak air berbau disalurkan kepada pengguna di Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang dan Petaling.

Siasatan lanjut mendapati, sisa kimia berjadual seperti minyak hiltan, bahan lemak makanan dan sisa industri dibuang phak tertentu di lurang kumbahan, di Bukit Mahkota, menyebabkan sumber air mentah Sungai Semenyih berbau.



Penduduk Flat Desa Serdang di Seri Kembangan, mengambil air yang dibawa lori tangki Air Selangor, semalam.
(Foto Hafiz Sohami/BH)